

Hasmah minta ibu bapa sertai pertubuhan2

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



Polis tahan Elvis Taiping

TAIPING, Ahad — Polis menangkap empat orang lelaki termasuk seorang penyanyi yang digelar 'Elvis Presley' dan merampas 0.4 gram heroin serta satu kartus ganja dalam dua serbuan di sini semalam.

Ketua Siasatan Jenayah Daerah, Penolong Penguasa Abdul Rashid Awang berkata, penyanyi berumur 37 tahun itu ditangkap oleh polis cawangan antidadah ketika sedang menunggang basikal di Jalan Masjid di sini tengah hari semalam. Lima tiub heroin dirampas daripadanya.

Dalam satu serbuan lain ke sebuah rumah di Jalan Assam Kumbang, polis menangkap tiga orang lelaki berumur antara 19 dan 37 tahun kerana memiliki satu kartus ganja seberat satu gram.

Ketiga-tiga orang lelaki itu dikatakan sedang khayal ketika polis menyerbu rumah itu kira-kira jam 5 pagi. Beberapa alat menghisap ganja dirampas daripada mereka. — Bernama.

KUALA LUMPUR, Ahad — Ibu bapa diseru menyeriat Pemadam, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) atau mana-mana pertubuhan sukarela sebagai satu usaha menyekat anak-anak dari menjadi penagih dadah.

Melalui persatuan-persatuan ini, mereka boleh membentuk satu jawatankuasa bertindak untuk mencari jalan menjauhkan anak-anak dari dadah, kata Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Anjakan dadah harus diambil perhatian berat oleh ibu bapa kerana ia adalah bahaya yang besar mengancam anak-anak kita sekarang.

Datin Seri Dr Siti Hasmah mengingatkan, ibu bapa mempunyai tugas penting secara langsung dan tidak langsung untuk membimbing dan menjadi teladan kepada anak-anak.

Katanya, ibu bapa harus menunjukkan teladan yang baik seperti tidak menghisap rokok di hadapan anak-anak kerana kebanyakan belia yang menagih dadah pada mulanya belajar menghisap rokok dahulu.

Ibu bapa diseru rapatkan hubungan dan memahami jiwa anak-anak, terutama mereka

yang di peringkat umur belasan tahun.

Anak-anak tidak wajar dibiarkan menyelesaikan masalah mereka di luar rumah kerana mereka mungkin terperangkap dengan dadah.

Bellau berkata demikian ketika merasmikan Kempen Anti-Dadah Wilayah Persekutuan anjuran Wanita Umno Malaysia di Kompleks Belia Bandaraya, Ceras hari ini.

Katanya, kajian oleh Pusat Penyelidikan Kebangsaan, Universiti Sains Malaysia menunjukkan ada 18,139 penagih dadah yang didaftarkan sehingga bulan April tahun ini.

Jumlah sebenar penagih dadah adalah lima kali ganda dari itu dan 60 peratus dari mereka adalah anak-anak muda. Seramai 8,032 orang penagih sedang dirawat dan 10,059 sedang menjalani penyeliaan di pusat-pusat pemulihan di seluruh negara, ujarnya.

Datin Seri Dr Hasmah berkata, ibu bapa harus menanam sikap bahawa masalah dadah bukanlah masalah orang lain, sebaliknya adalah masalah semua.

"Kita melihat anak-anak orang lain menjadi penagih hari ini, tetapi mungkin esoknya anak-anak kita pula terperangkap dengan dadah."